

**JKD PERNIAGAAN DAERAH**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pejabat Pendidikan Daerah Muar

NAMA : \_\_\_\_\_

KELAS : \_\_\_\_\_

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2025****PERNIAGAAN****Kertas 1****OGOS**

1 ¼ jam

**3766/1**

Satu jam lima belas minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
6. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

*Disediakan oleh;*

.....

*Disahkan oleh;*


.....

**Jawab semua soalan.**

1 Apakah tujuan perniagaan ?

- A. Mewujudkan peluang pekerjaan
- B. Membantu mesyarakat setempat
- C. Menambahkan pendapatan negara
- D. Menawarkan barang dan perkhidmatan

2 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri satu bentuk pemilikan perniagaan.



Apakah contoh bentuk pemilikan tersebut ?

- A. Alam Indah PLT
- B. Maybank Berhad
- C. Nur Khalifah Sdn. Bhd.
- D. Restoran Aina dan Rakan-rakan

3 Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan perkhidmatan berdasarkan saiz.

I	II
Jualan tahunan RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta.	Bilangan pekerja 30 hingga kurang daripada 75.

Klasifikasi saiz manakah yang tepat ?

	I	II
A.	Sederhana	Kecil
B.	Sederhana	Besar
C.	Kecil	Sederhana
D.	Kecil	Besar

4 Gambar berikut menunjukkan sebuah perniagaan.



Pernyataan yang manakah benar tentang skala perniagaan Kedai Runcit Asyraf ?

- A. Saiz pasaran besar
- B. Saiz pasaran kecil
- C. Skala perniagaan negeri
- D. Sumbangan modal daripada pekongsi

5 Apakah maksud trend persekitaran perniagaan ?

- A. Keadaan pasaran yang kekal untuk tempoh panjang
- B. Isu politik yang menjelaskan operasi perniagaan
- C. Arah aliran perkembangan sesuatu perniagaan
- D. Strategi perniagaan yang digunakan oleh pesaing

6 Maklumat berikut menunjukkan satu jenis pengangguran.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Covid 19 menyebabkan Pasaraya Yakin tidak dapat beroperasi selama 6 bulan. Pasaraya terpaksa memberhentikan sebahagian pekerja disebabkan tidak mampu membayar gaji mereka.

Bagaimakah kerajaan mengatasi pengangguran di atas ?

- A. Memberikan pengecualian cukai
- B. Menjalankan dasar fiskal dan kewangan
- C. Menghadkan penggunaan mesin untuk proses yang sukar
- D. Membuat perancangan yang sesuai dengan trend perubahan ekonomi

7 Berikut merupakan maklumat bagi sebuah perniagaan.

Tenaga Mentari Malaysia Sdn Bhd mengumumkan jalinan kontrak bersama Tenaga Hijau Sdn Bhd yang bertanggungjawab mereka bentuk dan membina solar dibumbung bangunan komersial di Malaysia.

Apakah faktor luaran yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan di atas ?

- A. Politik
- B. Ekologi
- C. Ekonomi
- D. Undang- undang

8 Apakah objektif utama organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU) ?

- A. Meningkatkan keuntungan organisasi
- B. Menjaga kebajikan dan kepentingan ahli dalam organisasi
- C. Menjual barang keperluan kepada orang kurang berkemampuan
- D. Mengeluarkan barang atau perkhidmatan untuk membiayai perbelanjaan operasi harian

9 Maklumat berikut berkaitan dengan objektif Syarikat Kembara Sdn Bhd.

Syarikat Kembara Sdn Bhd menyasarkan peningkatan pengeluaran peralatan sukan sebanyak 30% dalam tempoh 4 tahun.

Antara berikut, manakah ciri objektif yang terlibat ?

- I. Spesifik
  - II. Boleh diukur
  - III. Jangka masa
  - IV. Boleh dicapai
- 
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

- 10 Gambar berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan.



Apakah faktor tersebut ?

- A. Teknologi
- B. Kewangan
- C. Undang-undang
- D. Sumber manusia

- 11 Mengapakah analisis SWOT kita dapat mengubah dan melakukan penambahbaikan bagi mengingkatkan prestasi keuntungan.

Apakah kesannya kepada pencapaian misi perniagaan?

- A. Perniagaan berdaya saing
- B. Meningkatkan syer pasaran
- C. Memaksimumkan keuntungan
- D. Meningkatkan pertumbuhan perniagaan

- 12 Pernyataan manakah merupakan aspek penting yang ditunjukkan oleh carta organisasi perniagaan?

- A. Pemilihan kuasa
- B. Pembahagian kerja
- C. Pengawalan kuasa
- D. Perancangan kerja

13 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.

Encik Malik ditugaskan untuk menghubungi beberapa pembekal bagi mendapatkan sebut harga dan menilainya

Apakah bahagian fungsian yang Encik Malik terlibat?

- A. Pembelian
- B. Pemasaran
- C. Pengagihan
- D. Pengeluaran


14 Antara berikut, manakah merupakan tujuan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam organisasi perniagaan?

- I Memudahkan aktiviti kewangan dan perakaunan
  - II Mempercepat sistem pengeluaran dan pengedaran
  - III Memudahkan pekerja melayari internet untuk hiburan
  - IV Menghasilkan produk yang menepati standard yang ditetapkan
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

15 Antara yang berikut, manakah merupakan interaksi antara bahagian fungsian perniagaan kecil dengan perniagaan besar?

- I Perniagaan kecil menggunakan kaedah tradisional dalam pengurusan sumber manusia
  - II Perniagaan besar membantu perniagaan kecil mengurus sumber manusia dengan baik
  - III Perniagaan kecil menggunakan sistem pentadbiran sendiri mengikut keupayaan.
  - IV Perniagaan besar memastikan sistem pentadbiran yang baik digunakan dalam perniagaan perniagaan kecil.
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

16 Gambar berikut merupakan salah satu konsep pengurusan yang diamalkan dalam perniagaan.



Apakah kesan konsep pengurusan tersebut terhadap pekerja?

- A. Menyelesaikan masalah segera
- B. Meningkatkan prestasi pasukan
- C. Memantapkan budaya profesional
- D. Mewujudkan semangat berpasukan

17 Apakah contoh jenis kemahiran kebolehkerjaan yang boleh menyumbang kepada kejayaan sesebuah perniagaan?

- A. Penggunaan teknologi lama
- B. Kemahiran komunikasi yang baik
- C. Penyertaan aktiviti sosial dan komuniti
- D. Bekerja secara individu sepanjang masa

18 Pernyataan berikut berkaitan faktor penentuan sistem penggajian.

En Asyraf merupakan seorang penyelia Kilang Roti Gebu Sdn Bhd yang bertugas di cawangan Kluang, Johor. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai pengurus operasi kilang di cawangan Johor Bahru dengan kenaikan gaji daripada RM2,500 kepada RM4,300.

Apakah faktor yang menyebabkan perubahan gaji tersebut?

- I Peraturan kerajaan
- II Permintaan buruh
- III Lokasi pekerjaan
- IV Jenis tugas

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

19 Antara yang berikut, manakah yang berkaitan dengan tujuan mengurus sumber fizikal sesebuah perniagaan?

- I Memastikan sumber dalam keadaan selamat
  - II Memastikan sumber berfungsi untuk penghasilan produk
  - III Memastikan sumber yang ada dapat membantu mengelakkan kesilapan
  - IV Memastikan sumber dapat membantu perniagaan membuat keputusan yang tepat
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV


20 Apakah prosedur yang sesuai bagi mengelakkan sebuah syarikat perabot daripada mengalami kerugian akibat kerosakan mesin?

- A. Melantik pekerja asing bagi mengendalikan mesin
- B. Mendapatkan perlindungan insurans terhadap semua mesin
- C. Melakukan penyelenggaraan dan baik pulih secara berkala
- D. Menggantikan semua mesin lama dengan yang baharu

21 Antara yang berikut, manakah merupakan kepentingan mengurus sumber teknologi ?

- I. Memastikan kualiti produk tercapai dan memenuhi kepuasan pelanggan.
  - II. Memastikan sumber teknologi digunakan dengan berkesan dan sepenuhnya.
  - III. Memastikan peruntukan perundangan sumber teknologi diurus dan dikuatkuasakan dengan sewajarnya.
  - IV. Memastikan sumber teknologi tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

22 Gambar berikut menunjukkan sumber teknologi.



Bagaimanakah prosedur mengurus sumber teknologi di atas ?

- A. Mendaftar paten melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
- B. Membeli insurans bagi melindungi sumber teknologi
- C. Mendapatkan perlindungan hak cipta terpelihara
- D. Melakukan penyelenggaraan secara berkala

23 Gambar menunjukkan kaedah sebuah syarikat logistik kecil memantau stok barang.



Antara berikut, manakah merupakan aplikasi pengurusan sumber fizikal dalam perniagaan yang mampu ?

- I. Menyusun barang di atas lantai untuk memudahkan akses
  - II. Penggunaan sistem pengimbas kod bar untuk mencatat inventori
  - III. Penggunaan perisian inventori untuk merekod keluar masuk stok
  - IV. Menyediakan rak logistik di luar premis perniagaan untuk simpanan bahan dengan teratur
- 
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

24 Maklumat berikut berkaitan Syarikat Biskut Ranggup Suria.

Syarikat Biskut Ranggup Suria mengambil insurans untuk melindungi bangunan perniagaannya dan mendaftar paten produk bagi melindungi produk daripada ditiru oleh pihak lain.

Apakah kesan yang diperolehi oleh Syarikat tersebut ?

- A. Mengurangkan semangat kerja pekerja
- B. Menyebabkan peningkatan kos operasi
- C. Memudahkan urusan penghasilan produk
- D. Mengurangkan kualiti produk yang dihasilkan

25 Apakah kelebihan sumber pembiayaan dalaman ?

- A. Perlukan cagaran dalam bentuk aset tetap
- B. Perniagaan tidak perlu membayar faedah atas pinjaman
- C. Pinjaman boleh diselaraskan mengikut keperluan semasa
- D. Pembayaran balik pinjaman mengikut kemampuan peminjam


26 Penyataan berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan.

Barang berharga dijadikan cagaran untuk mendapatkan pinjaman

Apakah sumber pembiayaan luaran yang terlibat ?

- A. Pajakan
- B. Ar-Rahnu
- C. Sewa beli
- D. Pemfaktoran

27 Gambar berikut berkaitan dengan perbualan antara Ahmad dan Mikail



Apakah dokumen yang diperlukan untuk memenuhi prosedur di atas ?

- A. Salinan lesen GDL
- B. Salinan akaun bank
- C. Salinan sijil kelahiran
- D. Salinan pendaftaran perniagaan

28 Butiran yang manakah berkaitan dengan belanja dalam penyata pendapatan perniagaan ?

- A. Utiliti
- B. Modal
- C. Pinjaman
- D. Faedah simpanan

29 Mengapa pihak bank memerlukan penyata kewangan sebelum meluluskan permohonan pinjaman sesebuah perniagaan ?

- A. Merancang pengagihan sumber dengan berkesan
- B. Mengetahui kadar pulangan yang bakal diperolehi
- C. Mengetahui kemampuan membayar hutang dan kredit
- D. Meyakinkan para pelabur untuk melabur dalam perniagaan

30 Penyataan berikut diperoleh daripada Syarikat Perintis Sdn Bhd.

Nisbah semasa Syarikat Perintis Sdn Bhd ialah 3:1

Apakah taksiran yang tepat mengenai nisbah tersebut?

- A. Liabiliti semasa syarikat melebihi tiga kali ganda aset semasa.
- B. Setiap RM3 nilai aset semasa dapat menjelaskan RM1 nilai liabiliti semasa
- C. Syarikat memperoleh keuntungan melebihi tiga kali ganda daripada pelaburan
- D. Setiap RM3 yang dilaburkan Syarikat memperoleh untung bersih sebanyak RM1

31 Maklumat berikut berkaitan faktor penyumbang memulakan perniagan.

Encik Sufian telah mendapatkan nasihat daripada agensi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia (MECD) untuk memulakan perniagaan dalam bidang percetakan.

Apakah faktor tersebut ?

- A. Bantuan Profesional
- B. Pemasaran
- C. Kemahiran
- D. Latihan

32 Apakah contoh tanggungjawab sosial yang boleh dijalankan oleh sesebuah organisasi perniagaan?

- A. Melahirkan pekerja yang berkemahiran tinggi
- B. Memberi sampel percuma kepada pelanggan
- C. Mendirikan pondok perhentian bas
- D. Membina nama baik perniagaan

33 Antara berikut, yang manakah merupakan akta penubuhan perniagaan?

- I Akta Syarikat 2016
- II Akta Hak Cipta 1997
- III Akta Perhubungan Industri 1967
- IV Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

34 Pernyataan manakah menunjukkan faedah perniagaan yang berdaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)?

- A. Untuk mendapat pengecualian cukai pendapatan
- B. Untuk menuntut bayaran daripada agensi kerajaan
- C. Untuk menjadi entiti yang sah disisi undang-undang
- D. Untuk memudahkan perniagaan menyediakan dasar perniagaan

35 Encik Azmin dan Encik Aniq berhasrat menujuhkan syarikat persendirian. Mengapa mereka perlu membuat pemohonan carian nama syarikat?

- A. Untuk mencari nama yang ringkas
- B. Untuk mencari nama yang bercirikan Malaysia
- C. Untuk mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang sama
- D. Untuk mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang telah didenda

36 Pernyataan berikut berkaitan Encik Faizal.

Encik Faizal telah mendapat sijil perakuan pendaftaran perniagaan daripada SSM.

Apakah yang perlu dilakukan oleh Encik Faizal setelah mendapat dokumen tersebut?

- A. Menyimpan di dalam fail supaya tidak hilang.
- B. Menggunakannya untuk mendapatkan bantuan kerajaan.
- C. Mempamerkan dokumen di dalam pejabat untuk pihak pengurusan
- D. Mempamerkan di kaunter pembayaran atau tempat yang mudah dilihat

37 Antara berikut, dokumen manakah yang difaiklan sebagai rekod kos operasi?

- I Bil utiliti
- II Bil Jualan
- III Bil daftar tunai
- IV Bil pengangkutan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

38 Gambar berikut berkaitan tentang kaedah promosi.



Apakah kaedah promosi tersebut?

- A. Publisiti
- B. Pengiklanan
- C. Promosi jualan
- D. Jualan langsung

39 Maklumat berikut berkaitan perniagaan Aisyah.

Aisyah menjalankan perniagaan makanan sejuk beku dan ingin memohon pembiayaan daripada institusi kewangan untuk menambahkan modal perniagaan. Institusi kewangan meminta Aisyah untuk menyediakan satu dokumen yang mengandungi maklumat lengkap perniagaan dan jumlah pinjaman yang diperlukan.

Apakah dokumen yang perlu disediakan oleh Aisyah?

- A. Profil syarikat
- B. Kertas kerja jualan
- C. Rancangan perniagaan
- D. Buku panduan operasi

40 Apakah kepentingan rancangan perniagaan kepada peniaga?

- A. Mencari pekerjaan baharu
- B. Memberi panduan membuat pinjaman
- C. Merancang keperluan sumber perniagaan
- D. Membuat pelaburan untuk sesebuah perniagaan

#### KERTAS SOALAN TAMAT